



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGGUNAAN PETA MINDA DALAM PEMBELAJARAN BALAGHAH DI  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA TUN PERAK, MELAKA,  
MALAYSIA***

**ERLIND BINTI ABU HASAN**

**FBMK 2014 46**



**PENGGUNAAN PETA MINDA DALAM PEMBELAJARAN  
BALAGHAH DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA  
TUN PERAK, MELAKA, MALAYSIA**

**ERLIND BINTI ABU HASAN**

**MASTER OF ART  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
2014**



**PENGGUNAAN PETA MINDA DALAM PEMBELAJARAN BALAGHAH DI  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA TUN PERAK, MELAKA,  
MALAYSIA**

By

**ERLIND BINTI ABU HASAN**

**Thesis Submitted to the School of Graduate Studies,  
Universiti Putra Malaysia, in Fullment of the  
Requirements for the Degree of Master of Arts  
April 2014**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PENGGUNAAN PETA MINDA DALAM PEMBELAJARAN BALAGHAH DI  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA TUN PERAK, MELAKA,  
MALAYSIA**

Oleh

**ERLIND BINTI ABU HASAN**

**April 2014**

**Pengerusi : Pabiyah Hajimaming @ TokLubok, PhD**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui penerimaan pelajar Tingkatan Empat terhadap penggunaan peta minda berdasarkan prinsip Tony Buzan dalam pembelajaran Balaghah. Kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap penulisan nota Balaghah dalam bentuk peta minda. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis sejauh manakah pelajar mampu mengingat istilah-istilah Balaghah melalui penulisan nota peta minda mengikut prinsip Tony Buzan. Kajian kualitatif ini menggunakan teknik pengumpulan data melalui temu bual kumpulan berfokus yang terdiri daripada tiga kumpulan pelajar Tingkatan Empat dan dua temu bual individu. Dapatan kajian juga diperolehi melalui analisis nota peta minda Balaghah pelajar. Data yang diperolehi dianalisis berdasarkan prinsip peta minda Tony Buzan. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah sesuai digunakan bagi membantu meningkatkan minat dan prestasi pelajar dalam pembelajaran. Pelajar lebih memahami apa yang diajar oleh guru dan berjaya mengubah persepsi bahawa Balaghah mudah dikuasai. Kajian juga dapat mengenal pasti bahawa nota peta minda mampu membantu pelajar semasa mengulangkaji pelajaran dan semasa menjawab peperiksaan. Analisis terhadap nota Balaghah pelajar menunjukkan bahawa pelajar mampu mengingat dan menulis semula istilah-istilah Balaghah dalam bentuk peta minda. Terdapat beberapa masalah yang dapat dikesan semasa proses pengajaran dan pembelajaran Balaghah ini. Justeru, saranan dan cadangan juga dikemukakan pada bahagian perbincangan bagi menambah baik proses pembelajaran Balaghah menggunakan peta minda ini.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Art

**THE USE OF MIND MAP IN THE LEARNING OF BALAGHAH  
(ARABIC RHETORIC) IN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAN AGAMA  
TUN PERAK, MELAKA, MALAYSIA**

By

**ERLIND BINTI ABU HASAN**

**April 2014**

**Chair : Pabiyah Hajimaming @ TokLubok, PhD**

**Fakulty : Bahasa Moden dan Komunikasi**

This research aims to investigate Form Four students' acceptance towards the use of Tony Buzan mind map note-taking in the teaching and learning of *Balaghah* (Arabic Literature). This research also examines the effectiveness of mind map note-taking in helping students to memorize the terms in *Balaghah*. This is a pure qualitative research which incorporates interview as the method of data collection. The data was collected by conducting two individual interviews and focused-group interviews which consisted of three groups of Form Four students. The data was also collected through the analysis of the students' notes in a form of mind map on *Balaghah*. The data collected was analyzed based on the principle of mind map note-taking Tony Buzan. The findings established the use of mind map note-taking is useful in teaching and learning of *Balaghah* in which it can enhance students' interests and academic performances in *Balaghah*. The students showed better understanding on the lesson and the teacher succeeded in changing the students' perceptions towards the learning of *Balaghah*. The findings also established that the use of mind map note-taking is a helpful tool for the students to learn *Balaghah* and to answer questions in examinations. The analysis on the students' note in *Balaghah* showed that the students were able to remember and rewrite the terms of *Balaghah* in a form of mind map. Some problems, however, were identified during the teaching and learning processes. Recommendations and suggestions are provided in the discussion part on how to improve the process of learning *Balaghah*.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah dan Selawat serta Salam buat junjungan besar Rasulullah S.A.W. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya serta limpah kurnia-Nya, memungkinkan saya menyiapkan tesis saya ini.

Sekalung penghargaan buat mantan penyelia, Dr. Reha binti Mustafa yang telah membuka jalan kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Juga jutaan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan yang baru, Dr. Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok dan Dr. Mohd Sukki bin Othman selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan atas bimbingan yang diberikan sepanjang saya menyiapkan laporan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pensyarah Unit Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi khususnya buat Dr Nik Farhan bin Mustafa atas bimbingan dan tunjuk ajar dalam kajian kualitatif ini.

Sekalung penghargaan kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang menaja cuti pengajian saya, kepada Jabatan Pelajaran Negeri Melaka dan Pengetua SMKA Tun Perak, Puan Juariah binti Yunos yang mengizinkan saya menjalankan kajian. Kepada rakan-rakan guru khususnya guru-guru bahasa Arab yang sedia membantu sepanjang kajian ini dijalankan serta para pelajar Tingkatan Empat SMKA Tun Perak, Jasin, Melaka. Terima kasih atas kerjasama yang baik sepanjang kajian ini dijalankan.

Penghargaan istimewa buat suami, Ahmad Jamsari bin Mahmud dan sahabat-sahabat di UPM, Kak Asyiqin, Intisar, Izzati, Balkis, Fatimah, Nadiah, Hasimah, Qurratu Aini, Solehah, Afifah, Hidayah, Huda, Farah, Fairuz, Hisham, Helmi dan Syafiq yang sentiasa membantu dan menyumbang idea sepanjang proses pembelajaran. Semoga ukhuwwah kita akan terus terjalin. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia Aziyon dan Zawiyah yang sentiasa berkongsi pengalaman dan maklumat demi kejayaan kita bersama. Semoga usaha murni kita ini diberkati Allah hendaknya.

Buat ayahanda Abu Hasan dan bonda Noriah, bapa dan ibu mentua, permata hatiku, Afif, Alif, Amirah, Aisyah dan Amirul serta seluruh ahli keluarga. Tidak lupa anak-anak didik yang sudi membantu Syed Zahid (IPG Kampus Pendidikan Islam), Ahmad Mahfuz (UIAM) dan Atiqah Jaasih (UNIMAS). Terima kasih atas bantuan dan pengorbanan kalian. Doa kalian menjadi sumber inspirasi utama demi mencapai segulung kejayaan.

Akhir kata, semoga kajian yang dijalankan ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya pada masa akan datang. Inshaa Allah.



© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

**Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah TokLubok , PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Dr. Mohd Sukki bin Othman , PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**BUJANG BIN KIM HUAT , PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan pengisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Erlind binti Abu Hasan (GS30243).

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan saya;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

**Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah TokLubok, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Tandatangan: \_\_\_\_\_

**Dr. Mohd Sukki bin Othman, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)



COPY



# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACK</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN PELAJAR SISWAZAH</b>	vi
<b>PERAKUAN AHLI JAWATANKUASA PENYELIAAN</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN PERKATAAN</b>	xiv
<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	xv
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar belakang kajian	2
1.2 Penyataan masalah	3
1.3 Persoalan kajian	5
1.4 Objektif kajian	6
1.5 Kerangka konsep kajian	6
1.6 Limitasi kajian	7
1.7 Definisi istilah	8
1.8 Kepentingan kajian	10
1.9 Kesimpulan	14
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.0 Pengenalan	15
2.1 Perkembangan Bahasa Arab di Malaysia	15
2.2 Pengenalan Ilmu Balaghah	19
2.3 Isu-Isu dalam pembelajaran Bahasa Arab dan Balaghah	30
2.4 Peta Minda	33
2.5 Kajian Lepas berkaitan peta minda	39
2.6 Perkaitan Peta Minda dengan Teori Pembelajaran	41
2.7 Penggunaan Peta Minda dalam pembelajaran Balaghah	44
2.8 Kesimpulan	45

### 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	47
3.1	Reka bentuk kajian	47
3.2	Skop kajian	50
3.3	Kaedah pengumpulan data	52
3.4	Instrumen kajian	54
3.5	Prosedur pengumpulan data	56
3.6	Prosedur menganalisis data	60
3.7	Kesimpulan	62

### 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0	Pengenalan	63
4.1	Analisis penerimaan pelajar terhadap pembelajaran Balaghah	66
	4.1.1 Semasa proses pembelajaran Balaghah	66
	4.1.2 Selepas proses pembelajaran Balaghah	70
4.2	Analisis penerimaan pelajar terhadap nota Peta Minda Balaghah	73
	4.2.1 Penerimaan dan pandangan pelajar semasa proses membuat Peta Minda Balaghah	73
	4.2.2 Penerimaan dan pandangan pelajar terhadap nota Peta Minda Balaghah	76
	4.2.3 Penerimaan pelajar sebelum dan semasa mengulang kaji pelajaran serta semasa peperiksaan	80
4.3	Analisis nota Peta Minda Balaghah	84
4.4	Pemerhatian semasa proses pengajaran dan Pembelajaran Balaghah	87
4.5	Masalah dalam pembelajaran Balaghah Menggunakan Peta Minda	87
4.6	Kesimpulan	88

### 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	89
5.1	Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian	89
5.2	Cadangan Kajian	94
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	96
5.4	Kesimpulan	97

<b>RUJUKAN</b>	<b>98</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>107</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>116</b>
<b>PENERBITAN</b>	<b>117</b>

## SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Kerangka konsep kajian penggunaan peta minda dalam Pengajaran dan pembelajaran Balaghah Tingkatan Empat	6
2	Jadual peringkat memahami ungkapan bahasa Arab. (Diubah suai daripada Muhammad Marwan, 2006)	20
3	Kedudukan Balaghah dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Arab SPM	25
4	Sukatan Pelajaran Balaghah SPM	26
5	Contoh lakaran peta minda mengikut Prinsip Tony Buzan	37
6	Contoh lakaran peta minda Balaghah – Ilmu <i>al-Bayan</i>	45
7	Reka bentuk kajian penggunaan peta minda dalam pembelajaran Balaghah	48
8	Proses analisis data kajian	63
9	Keterangan kod-kod dalam transkripsi temu bual	
10	Pecahan perbincangan analisis mengikut objektif kajian (i) dan (ii)	65
11	Aliran Kerja Analisis dokumen–Nota peta minda Balaghah	65
11	Kategori perbincangan objektif kedua – penerimaan pelajar terhadap nota peta minda Balaghah	73

## SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Lokasi pelaksanaan temu bual	59
2 Jadual pelaksanaan temu bual	59
3 Senarai kesilapan ejaan istilah Balaghah	87



## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Halaman
A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian oleh Universiti Putra Malaysia	108
B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian – Kementerian Pelajaran Malaysia	109
C Surat Kebenaran Menjalankan Kajian – Jabatan Pelajaran Melaka	110
D Contoh Transkripsi Temu Bual	111
E Borang Pengesahan Kod dan Tema Data Temu Bual	112
F Surat Pengesahan Transkripsi Temu Bual	113
G Contoh Analisis Data Atlas.Ti	114
H Contoh Nota Peta Minda Balaghah Pelajar	115
I Surat pengesahan penerimaan manuskrip	116

## SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
BA	Bahasa Arab
BAT	Bahasa Arab Tinggi
KAA	Kelas Aliran Agama
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMA	Sekolah Menengah Agama
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
KKKPM	Kurikulum Kebangsaan Kementerian Pelajaran Malaysia
R	Responden
P	Perbualan
G	Kumpulan



## JADUAL TRANSLITERASI

Huruf arab	Huruf Latin	Contoh kalimah Arab	Contoh Transliterasi
أ	'	أركان	'ark n
ب	b	البلاغة	al-bal gha
ت	t	الاستعارة	al-isti ra
ث	th	البحث	al-bahth
ج	j	الجملة	Al-jumla
ح		المحلية	al-ma alliyya
خ	kh	الختام	al-khit m
د	d	الديوان	al-d w n
ذ	dh	يذهب	yadhhabu
ر	r	الاستعارة	al-isti ra
ز	z	الفائزة	al-f 'iza
س	s	الاستعارة	al-isti ra
ش	sy	المشبه	al-musyabbah
ص		التصريحية	al-ta r iyya
ض		الضمائر	al- am 'ir
ط		الطهارة	al- ah ra
ظ		الظهر	al- uhr
ع		الاستعارة	al-isti ra
غ	gh	الغراب	l-ghur b
ف	f	فاطمة	F ima
ق	q	القواعد	al-qaw id
ك	k	المكنية	al-makniyya
ل	l	المحلية	al-ma alliyya
م	m	المحلية	al-ma alliyya
ن	n	المكنية	al-makniyya

و	w	الوصول	<i>al-wu l</i>
هـ / هـ	h	المشبه	<i>al-musyabbah</i>
ي	y	يعقوب	<i>Ya q b</i>
ة		المدرسة	<i>al-madrasa</i>

- 1- Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasi kepada 'a' bukan kepada 'a. Contoh : أكل , transliterasinya , *akala* bukan *'akala* .
- 2- Huruf Arab ة (*t ' marbu ah*) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada ' '. Contoh : ساحة المدرسة , transliterasi : *s ha al-madrasah* , bukan *s hah al-madrasah* . Tetapi sekiranya sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال(al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir , *t ' marbu ah* ditransliterasikan kepada *h*. Contoh : *al-madrasah*.

(Dewan Bahasa & Pustaka,1992:1-3)

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Ilmu Balaghah merupakan salah satu cabang ilmu bahasa Arab yang memiliki keistimewaan tersendiri. Ini kerana bahasa Arab tidak sempurna tanpa mendalami kemahiran dan keunikan gaya bahasanya yang hanya boleh disingkap dengan mempelajari ilmu Balaghah. Justeru, dalam kelompok komponen bahasa Arab yang terdiri daripada beberapa komponen lain, Balaghah dianggap sebagai satu komponen penting yang menjadikan bahasa Arab sebagai satu bahasa yang hebat dan unik.

Hakikatnya, bahasa Arab sangat berkait rapat dengan ajaran Islam kerana Al-Quran dan Hadith yang menjadi asas kepada ajaran Islam ini diturunkan dalam bahasa Arab. Bahasa Arab pula kaya dengan keunikan dan ketinggian gaya bahasanya khususnya yang ditemui di dalam al-Quran dan juga Hadith Rasulullah S.A.W. Justeru, ketinggian gaya bahasa Arab khususnya dalam ayat-ayat al-Quran memerlukan daya pemikiran yang tinggi dan kreatif bagi menjelaskan maksudnya yang sebenar. Dalam pada itu, proses memahami Al-Quran telah menjadi satu tanggungjawab yang amat besar kerana sumber perundangan Islam ini perlu difahami dengan betul demi mengelakkan tafsirnya disalah ertikan sehingga membawa kepada implikasi yang lebih buruk. Oleh itu, dalam konteks ini, ilmu Balaghah amat diperlukan bagi memperhalusi ilmu tafsir al-Quran al-Karim.

Kehebatan bahasa Arab boleh ditemui dalam ungkapan-ungkapan syair Arab sejak dari zaman Jahiliyyah sehingga ke hari ini. Begitu juga, dalam wacana-wacana sastera Arab yang lain. Dengan menguasai ilmu Balaghah yang terdiri daripada tiga komponen *al-Ma'ani*, *al-Bay n* dan *al-Bad'*; pemikiran kita menjadi lebih kreatif dan membolehkan kita memberikan tafsiran yang tepat terhadap satu-satu ungkapan bahasa Arab. Maksud bagi sesuatu ungkapan Arab yang dihasilkan bukan sahaja dilihat pada maksud yang tersurat bahkan juga menghasilkan makna yang tersirat. Oleh yang demikian, ilmu Balaghah amat penting bagi menghuraikan keindahan maksud yang tersurat dan tersirat di sebalik ungkapan-ungkapan bahasa Arab tersebut.

Ilmu Balaghah perlu dipelajari dan dikuasai sebagai pelengkap kepada pembelajaran bahasa Arab. Balaghah Arab yang juga dikenali sebagai retorik Arab merupakan salah satu komponen bahasa Arab yang dipelajari bersama dengan komponen bahasa Arab yang lain seperti *Nahu*, *Sarf* dan

lain-lain. Setiap satu komponen bahasa Arab tersebut mempunyai kepentingan masing-masing dan dipelajari seiring agar kesinambungan dan hubungan antara setiap komponen ilmu tersebut difahami dan dapat dikaitkan antara satu sama lain (Sainei@Saini Andamit, 1998). Oleh sebab itu, tuntutan mempelajari Balaghah berada pada tahap yang amat tinggi untuk dipelajari (Mohd Rosdi & Mat Taib, 2006).

Bukan itu sahaja, Balaghah juga perlu dipelajari kerana Balaghah membantu kita memperindah dan memperelok bahasa yang dituturkan di samping matlamat yang paling utama iaitu membantu kita memahami selok-belok gaya bahasa Al-Quran dan Hadith. Namun begitu, sesuatu yang perlu diketahui, ilmu Balaghah tidak akan dapat difahami dengan baik melainkan dengan mempelajari ilmu Nahu dan Sarf terlebih dahulu (Muhammad Marwan, 2005). Semasa mempelajari Balaghah, penguasaan terhadap ilmu ini dibahagikan kepada tiga tahap utama iaitu penguasaan kaedah, penganalisisan contoh dan penguasaan terapan. Pengenalan berkenaan kaedah Balaghah hanya boleh diperkenalkan kepada pelajar pada peringkat selepas pelajar mampu menguasai ilmu Nahu dan Sarf. Oleh sebab itu, dalam sistem pendidikan di Malaysia, Balaghah hanya mula diperkenalkan kepada pelajar semasa di Tingkatan Empat.

## 1.1 Latar belakang kajian

Ilmu Balaghah merupakan antara komponen penting bahasa Arab yang perlu dipelajari dengan tujuan memudahkan pemahaman teks-teks Arab kerana bahasa Arab merupakan bahasa yang memiliki gaya bahasa retorik yang tinggi (Azhar Muhammad, 2007). Tujuan utama pembelajarannya adalah untuk mengetahui makna dan keindahan maksud yang tersirat di sebalik ungkapan bahasa Arab. Lebih-lebih lagi, yang berkait rapat dengan pemahaman, pentafsiran dan penterjemahan al-Quran dan Hadith serta kitab-kitab agama yang akan diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu (Azhar Muhammad, 2006). Dalam erti kata lain, kefahaman dalam ilmu Balaghah Arab akan memudahkan seseorang mengetahui gaya bahasa yang digunakan serta memahami struktur ayat tertentu seterusnya memahami teks-teks indah dari Al-Quran atau *Ijz Bayny*, hadith Rasulullah SAW serta Nusus *Adabiyah* yang lain (Idris Abdullah, 2009).

Bahasa Arab itu adalah bahasa Al-Quran dan Hadith serta medium utama pengajian Islam. Memandangkan Balaghah salah satu cabang ilmu bahasa Arab, maka pembelajaran Bahasa Arab mendapat tempat utama dan istimewa dalam sistem pendidikan di Malaysia sama ada di peringkat sekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi (Zawawi & Mohd Sukki, 2005). Bahasa Arab kini dipelajari di pelbagai peringkat institusi pendidikan sebagai bahasa kedua dan ketiga atau sebagai bahasa asing (Azman & Ahmad Nazuki@Marzuki, 2010; Mohd Rosdi & Mat Taib, 2006).

Secara umumnya, bahasa Arab yang diajar di sekolah-sekolah perlu mencapai objektif yang digariskan di dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab (2009) yang membolehkan para pelajar menguasai empat kemahiran utama iaitu kemahiran membaca mendengar, menulis dan bertutur bahasa Arab. Mata pelajaran Bahasa Arab yang diajar di sekolah terdiri daripada beberapa komponen utama yang membentuk mata pelajaran itu sendiri iaitu *Nahu*, *Sarf*, *Balaghah*, *Nusus Adabiyah* dan perbendaharaan kata. Kesemua komponen ini telah diperkenalkan dan diajar kepada pelajar bermula daripada Tingkatan Satu kecuali *Balaghah* yang hanya mula diajar semasa pelajar di Tingkatan Empat.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, ilmu *Balaghah* dimuatkan sebagai salah komponen dalam silibus bahasa Arab Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dikenali sebagai Bahasa Arab Tinggi (1992-2010) manakala kini dikenali sebagai Bahasa Arab hasil daripada semakan semula sukatan pelajaran bahasa Arab. Begitu juga, *Balaghah* pada peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Pada kedua-dua peringkat pengajian ini, *Balaghah* hanya dipelajari sebagai subtajuk di samping komponen bahasa Arab lain. Kesimpulannya, *Balaghah* hanya dipelajari sebagai subtajuk mata pelajaran Bahasa Arab dan bukan sebagai mata pelajaran tunggal. Berbeza dengan pembelajaran bahasa Arab pada peringkat pengajian Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), yang diduduki oleh pelajar Tingkatan Enam Sekolah Menengah Agama (SMA) dan beberapa buah sekolah kerajaan persekutuan dan negeri. Pada peringkat ini, *Balaghah* diajar secara berasingan. Begitu juga komponen bahasa Arab lain seperti *Nahu*, *Sarf*, *Nusus Adabiyah* dan lain-lain. Dalam sistem pendidikan STAM terkini, para pelajar akan mempelajari *Balaghah* dalam masa setahun sahaja berbanding pembelajaran *Balaghah* STAM sebelum tahun 2010 yang memperuntukkan jangka masa pembelajaran untuk dua tahun.

Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak, Jasin, bahasa Arab merupakan salah satu mata pelajaran wajib dipelajari oleh semua pelajar bermula daripada Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Komponen *Balaghah* akan mula dipelajari semasa di Tingkatan Empat.

## 1.2 Penyataan masalah

Sebagaimana yang telah dinyatakan, ilmu *Balaghah* adalah salah satu komponen mata pelajaran bahasa Arab yang diberikan pendedahan kepada pelajar semasa di Tingkatan Empat. Kesan daripada persepsi pelajar terhadap bahasa Arab secara umumnya seperti anggapan mata pelajaran sukar, "*killer subject*", kurang motivasi, sukatan pelajaran yang banyak dan beberapa sebab yang lain, *Balaghah* yang dipelajari sebagai satu komponen dalam mata pelajaran bahasa Arab berhadapan dengan situasi yang sama. Antaranya ialah persepsi bahawa bahasa Arab satu mata pelajaran sukar mendorong wujudnya persepsi *Balaghah* sukar dipelajari

(Idris, 2009). Selain itu, silibus yang kurang bersesuaian juga menjadi faktor penyebab Balaghah sukar dipelajari (Muhammad Marwan, 2006). Besar kemungkinan juga Balaghah dianggap sukar dikuasai kerana berpunca daripada ketidakfahaman pelajar terhadap ilmu Balaghah secara keseluruhannya yang merangkumi tiga komponen utama iaitu ilmu *al-Ma' n*, *al-Bay n* dan *al-Bad ' (Sainei@Saini Andamit, 1998)*. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Marwan (2005) dalam kajiannya di negeri Selangor yang mendapati pelajar tidak dapat menguasai Balaghah dan kaedah-kaedahnya kerana lemah dalam bahasa Arab itu sendiri dan sukatan Balaghah yang banyak meskipun pelajar berminat mempelajari Balaghah pada peringkat awal pembelajaran. Begitu juga dapatan Anuar (2012) dalam kajiannya terhadap pelajar Tingkatan Lima SAR di negeri Melaka. Kesemua pelajar didapati menghadapi masalah menguasai Balaghah disebabkan faktor tidak minat dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mengakibatkan pelajar berpandangan negatif terhadap Balaghah.

Sementara itu, masalah penggunaan contoh-contoh ayat yang tinggi gaya bahasanya semasa proses pengajaran dan pembelajaran Balaghah juga menjadi faktor. Penggunaan ayat yang sukar dan tinggi gaya bahasanya menyebabkan timbul persepsi negatif dalam kalangan pelajar. Selain itu, kewujudan anggapan bahawa ilmu Balaghah adalah puisi juga menyebabkan pelbagai spekulasi negatif timbul sedangkan Balaghah hanya merupakan salah satu bidang perbincangan dalam ilmu sastera (Wan Azura et al., 2006).

Pengalaman pengkaji sebagai tenaga pengajar Bahasa Arab SPM di sekolah bersetuju bahawa penguasaan Balaghah pelajar kurang memberangsangkan disebabkan beberapa faktor. Antaranya, tanggapan Balaghah sukar dan ketidakmampuan mengingat istilah Balaghah. Hasil analisis item ujian Balaghah yang dilaksanakan mendapati sesetengah pelajar tidak dapat menulis semula istilah Balaghah sebagaimana yang dikehendaki soalan. Berlaku juga kesalahan ejaan istilah-istilah Balaghah. Bukan itu sahaja, nota panduan pula tidak banyak membantu mengakibatkan pelajar tidak berminat untuk meneruskan pembacaan mereka seterusnya menjadi antara punca utama Balaghah kurang diminati. Hasil daripada tinjauan yang dilakukan oleh Norazamudin (2013) mendapati bahawa pelajar sukar mendalami istilah-istilah Balaghah disebabkan Balaghah dianggap satu ilmu baru bagi pelajar.

Bukan itu sahaja, kedudukan tajuk-tajuk Balaghah yang dipisahkan mengikut bab di dalam buku teks bahasa Arab juga mendatangkan kesukaran kepada pelajar. Sebagai contoh, tajuk *al-Tasyb h* yang mempunyai kaitan dengan *al-Isti' rah* diletakkan di dalam bab yang berbeza menyukarkan pelajar untuk melihat hubung kait kedua-dua tajuk berkenaan. Hasil temu bual bersama 6 orang pelajar Tingkatan Lima tahun 2008 hingga 2011 mengenai masalah dalam pembelajaran Balaghah, mendapati bahawa antara alasan yang diberikan ialah pelajar tidak tahu maklumat mana yang penting, tidak memahami contoh ayat yang diberikan, tajuk yang banyak



untuk difokus serta tidak memahami isi pelajaran. Penulisan nota yang banyak serta kaedah menulis nota secara tidak sistematik juga menjadi faktor penyebab pelajar kurang berminat untuk mengulangkaji nota Balaghah terutamanya sebelum peperiksaan. Lebih-lebih lagi, pelajar hanya menyalin segala maklumat yang diberikan oleh guru mahupun yang terdapat di dalam buku teks tanpa memahami apa yang dipelajari dan yang perlu difahami. Di sini, jelas menunjukkan bahawa wujud masalah dalam pembelajaran Balaghah yang memerlukan satu tindakan yang mampu memberikan gambaran baru pelajar terhadap pembelajaran Balaghah khususnya dan Bahasa Arab umumnya.

Kesimpulannya, terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada permasalahan yang berlaku dalam pembelajaran Balaghah. Faktor pedagogi, persekitaran, latar belakang pelajar, ciri bahasa yang dipelajari, buku teks, silibus dan isi kandungan mata pelajaran dan persepsi pelajar adalah antara faktor penyebab utama masalah pembelajaran Balaghah yang berlaku di sekolah. Pabiyah Toklubok@HajiMaming, (2011) menyatakan bahawa tidak wujud satu kaedah terbaik dalam proses pembelajaran apa-apa bahasa bagi pelajar dalam semua keadaan. Justeru, usaha menggunakan peta minda sebagai satu teknik belajar Balaghah diharap dapat mengubah tanggapan negatif pelajar yang menganggap Balaghah sebagai mata pelajaran yang sukar dipelajari kepada sebaliknya.

### **1.3 Persoalan kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dinyatakan oleh pengkaji dalam perkara 1.2, maka kajian ini akan difokuskan kepada persoalan kajian seperti yang tertera di bawah iaitu:

- 1.3.1 Apakah penerimaan pelajar terhadap penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah?
- 1.3.2 Bagaimanakah penerimaan pelajar terhadap nota peta minda prinsip Tony Buzan dalam pembelajaran Balaghah?
- 1.3.3 Sejauh manakah peta minda dapat membantu pelajar mengetahui bahagian ilmu seterusnya mengingat istilah Balaghah?


### **1.4 Objektif Kajian**

Secara keseluruhannya, kajian ini dilaksanakan bagi melihat penggunaan peta minda mengikut Prinsip Tony Buzan dalam pembelajaran Balaghah. Maka, secara khususnya, objektif kajian ini akan menjawab persoalan kajian yang dinyatakan di atas iaitu :

- 1.4.1 Mengetahui penerimaan pelajar terhadap penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah.

- 1.4.2 Mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap nota peta minda mengikut Prinsip Tony Buzan dalam pembelajaran Balaghah.
- 1.4.3 Menganalisis sejauh mana peta minda Tony Buzan membantu pelajar mengetahui bahagian ilmu Balaghah seterusnya mengingat istilah Balaghah.

## 1.5 Kerangka konsep kajian



**Rajah 1 : Kerangka konsep kajian penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah Tingkatan Empat**

Dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab (2009), antara objektif pengajaran dan pembelajaran Balaghah adalah untuk membolehkan pelajar menguasai ilmu Balaghah dengan tujuan untuk memahami makna dan maksud sesuatu ungkapan bahasa Arab seperti petikan Al-Quran, Hadith, bait-bait puisi dan syair serta teks-teks kesusasteraan Arab yang lain. Penggunaan pendekatan yang kurang sesuai dalam pembelajaran bahasa Arab dan Balaghah khususnya mengakibatkan pelajar kurang berminat mempelajari bahasa Arab dan pecahan komponennya. Justeru, kajian ini akan menerapkan penggunaan peta minda mengikut Prinsip Tony Buzan semasa proses pengajaran dan pembelajaran Balaghah. Pelajar akan diarahkan membuat sendiri nota Balaghah dalam bentuk peta minda.

Hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran Balaghah menggunakan peta minda, pengkaji akan mengkaji sejauh manakah penerimaan pelajar dan kesesuaian peta minda ini dalam pembelajaran Balaghah. Sementara itu, nota peta minda yang dihasilkan pelajar akan dianalisis untuk mengenal pasti sejauh manakah nota berkenaan membantu



pelajar mengetahui bahagian-bahagian ilmu Balaghah dan istilah-istilah yang perlu dikuasai.

## 1.6 Limitasi kajian

Setiap kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji perlu berada dalam batasan tertentu agar kajian yang dilakukan lebih berfokus dan tersusun. Justeru, kajian yang dijalankan meliputi perkara-perkara berikut:

### 1.6.1 Ilmu Balaghah

Kajian ini hanya menumpukan kepada pembelajaran komponen Balaghah dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tingkatan Empat sahaja. Dalam konteks kajian ini, pengkaji hanya membincangkan kedudukan Balaghah dalam Kurikulum Kebangsaan Kementerian Pelajaran Malaysia. Kurikulum ini mula diperkenalkan dan dipelajari oleh pelajar semasa di Tingkatan Empat bersama komponen-komponen bahasa Arab yang lain. Kesemua komponen mata pelajaran ini dipelajari secara seiring melalui penggunaan buku teks. (Azhar Muhammad, 2008)

Balaghah Tingkatan Empat sebagaimana ketetapan Sukatan Pelajaran Kementerian Pelajaran Malaysia (2009) hanya merangkumi bahagian-bahagian utama Balaghah dan bahagian ilmu *al-Bayan* yang merangkumi tajuk *al-Haqqa* dan *al-Majz* serta tajuk-tajuk kecil. Bahagian *al-Haqqa* merangkumi tajuk *al-Tasyb h* manakala *al-Majz* meliputi tajuk *al-Istira*, *al-Majz al-Mursal* dan *al-Kin ya*. Namun demikian, bermula pada tahun 2011, sukatan pelajaran komponen Balaghah Tingkatan Empat telah dikecilkan skop pembelajarannya dengan menggugurkan tajuk *al-Kin ya*. Oleh yang demikian, skop kajian ini hanya merangkumi ilmu *al-Bayan* yang terdiri daripada lima tajuk kecil iaitu *M hiya al-Bal gha*, *al-Haqqa wa al-Maj z*, *al-Tasyb h*, *al-Isti' ra* dan *al-Maj z al-Mursal*.

### 1.6.2 Lokasi dan peserta kajian

Kajian dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Perak yang terletak di Jasin, Melaka. Peserta kajian adalah pelajar-pelajar daripada dua kelas Tingkatan Empat seramai 46 orang.

### 1.6.3 Peta minda

Dalam kajian ini, pengkaji mengkhususkan penggunaan peta minda prinsip Tony Buzan sahaja dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah. Terdapat beberapa pendekatan lain yang boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Balaghah. Namun, berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang dijalankan, peta minda adalah antara kaedah yang terbaik untuk diguna pakai dalam kajian pembelajaran Balaghah ini.

Penggunaan peta minda dipilih dalam kajian ini kerana konsep peta minda ini lebih ringkas berbanding konsep penulisan nota yang lain seperti peta konsep, jadual, gambar rajah dan lain-lain (Afidah , 2008; Mansor , 2005).

Batasan kajian ini juga terhad untuk mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap penggunaan peta minda Tony Buzan dalam pembelajaran Balaghah sahaja. Kajian ini hanya bertujuan untuk mengkaji kesesuaian peta minda dalam membantu merangsang minat pelajar dan memahami apa yang dipelajari serta membantu pelajar membuat nota yang efektif dan berkesan. Penggunaan peta minda dalam kajian ini tidak memfokuskan kepada takrif istilah dan kaedah Balaghah semata-mata tetapi peta minda digunakan untuk mengenal pasti istilah penting Balaghah dalam membantu guru dan pelajar menjelaskan isi pelajaran. Kesimpulannya, kajian penggunaan peta minda dalam pembelajaran Balaghah ini tidak menyentuh aspek kemahiran bahasa secara khusus. Kajian ini hanya mengaplikasikan prinsip peta minda oleh Tony Buzan yang diguna pakai oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kebangsaan di dalam pembelajaran Balaghah. Oleh itu, dapatan kajian hanya boleh dikhususkan kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini sahaja dan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar di Malaysia.

## **1.7 Definisi istilah**

Bagi membincangkan dengan lebih lanjut tajuk kajian ini, pengkaji mengemukakan definisi istilah utama bagi mengupas secara ringkas skop kajian ini:

### **1.7.1 Penggunaan**

Menurut *Kamus Dewan* (2010:489), *penggunaan* membawa maksud perihal menggunakan sesuatu atau pemakaian sesuatu. Menurut Afidah (2008) dalam tesisnya menjelaskan *penggunaan (utilization)* sebagai satu fungsi pembangunan pengajaran atau pendidikan atau mempunyai tujuan dan matlamat untuk membawa pelajar menuju kepada interaksi kepada sumber pembelajaran. Maka, dalam kajian ini, penggunaan yang dimaksudkan ialah interaksi antara pelajar Tingkatan 4 dan penggunaan peta minda untuk membantu mereka mengetahui, memahami dan mengingati fakta serta istilah Balaghah.

### **1.7.2 Peta Minda**

Peta minda ialah suatu lakaran grafik untuk mencatat nota ringkas seperti satu binaan berangkai di atas suatu permukaan dengan isi-isi penting diletakkan mengelilingi topik utama di tengah-tengah dan idea-idea lain yang berkaitan dikembangkan ke luar idea utama (Tonny Windura, 2011)

Menurut *Kamus Dewan* (2010), *peta* merujuk kepada lukisan (gambaran) pada kertas atau lain-lain yang menunjukkan kedudukan negeri, sungai, gunung dan lain-lain. *Minda* pula dalam kamus yang sama merujuk kepada akal fikiran, daya fikiran yang disuburkan oleh ilmu pengetahuan yang banyak. Berdasarkan definisi tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa peta minda merupakan lakaran atau lukisan maklumat yang dilakukan pada kertas hasil terjemahan minda dalam memaparkan ilmu- ilmu yang pernah dan telah diterima.

Peta minda adalah antara kaedah yang berkesan bagi mendapatkan semula maklumat daripada memori atau ingatan untuk ditukarkan menjadi satu bentuk yang boleh dilihat secara visual (Ismail Zain, 2005). Peta minda juga dapat membantu meningkatkan kemahiran dan kecerdasan minda, mengukuhkan pemahaman dan daya ingatan serta berupaya merangsang pelbagai kemampuan diri individu (Syukri , 2001). Justeru, dalam kajian ini, pengkaji akan mengaplikasikan peta minda mengikut konsep Tony Buzan.

### **1.7.3 Pembelajaran**

Pembelajaran merupakan satu proses yang melibatkan dua pihak, iaitu pelajar dan persekitaran pelajar. Definisi pembelajaran mengikut *Kamus Dewan* (2010:21) dimaksudkan sebagai proses atau kegiatan belajar. Pembelajaran adalah proses melakukan pelbagai gerak balas hasil daripada rangsangan luaran dan dalaman. Seterusnya berlaku pemilihan gerak balas yang sesuai dan diulangi serta diamalkan sehingga terbentuknya kemahiran (Abu Zahari, 1988). Manakala Mok Soon Sang, mendefinisikan pembelajaran sebagai satu tindakan pengamalan yang merubah tingkah laku bermakna, berlaku secara berperingkat hasil rangsangan-rangsangan yang sesuai dari persekitaran (2002).

Pembelajaran juga didefinisikan sebagai proses yang membawa kepada penguasaan dan kemahiran kepada pelajar seperti penguasaan tentang maklumat, fakta, konsep, prinsip, sikap dan amalan serta boleh menyelesaikan masalah pada masa hadapan (Salihan , 1991). Menurut beliau, pembelajaran terbahagi kepada dua jenis iaitu pembelajaran tak formal yang dilakukan secara persendirian tanpa melalui cara dan tempat khas dan pembelajaran formal yang dilakukan di tempat khas dan melalui masa rasmi seperti kelas.

Hassan Langgulung pula dalam (Azhar Muhammad, 2008:45) mentakrifkan pembelajaran sebagai perpindahan nilai-nilai, ilmu dan kemahiran daripada satu generasi kepada generasi lain berdasarkan syarat-syarat tertentu iaitu adanya rangsangan, gerak balas dan pengukuhan.

### **1.7.4 Balaghah**

Balaghah atau *al-Bal ghah* dalam bahasa Arab bermaksud petah dan fasih bercakap (*Kamus Dewan*, 2010:114). Balaghah yang berasal daripada

“*balagha*’ diterjemahkan sebagai fasih dan baik keterangannya (Ibrahim Mustafa et. al , 1980). Pelbagai takrifan telah diberikan untuk menjelaskan apa yang dimaksudkan oleh Balaghah tetapi takrifan Balaghah yang diberikan oleh *al-Qazw ni* (1996) merupakan antara takrifan yang diiktiraf oleh kebanyakan imuan Balaghah iaitu:

“Balaghah ialah kata-kata yang menepati situasinya bersama dengan kelancarannya dan jauh daripada apa-apa yang boleh mencatatkan penggunaan satu kata-kata.”

Kesimpulannya, Balaghah adalah kata-kata yang dilafazkan yang dapat memberikan makna dan maksud yang tepat sesuai dengan situasi tertentu tanpa cacat cela.

## 1.8 Kepentingan kajian

Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui sama ada penggunaan peta minda dalam pembelajaran Balaghah sesuai dan dapat membantu pelajar mengingat konsep dan istilah penting dalam topik Balaghah yang dipelajari. Kajian dilakukan untuk mengenal pasti tahap penerimaan pelajar terhadap peta minda yang diguna pakai dalam pembelajaran Balaghah dan sejauh mana peta minda tersebut memberi kesan terhadap proses pembelajaran Balaghah.

Kajian ini merupakan kajian penggunaan peta minda dalam pembelajaran Balaghah sahaja. Mkipun pembelajaran Balaghah hanya membahaskan beberapa topik dan tidak banyak berbanding komponen *Nahu* dan *Sarf*, Balaghah tetap memiliki kepentingannya tersendiri dalam bahasa Arab. Berdasarkan kedudukan Balaghah Arab pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang hanya melibatkan 32.5% daripada markah keseluruhan kertas bahasa Arab, berbanding Balaghah peringkat STPM, mungkin ia dilihat kurang penting. Namun, pengkaji melihat pembelajaran Balaghah pada peringkat SPM perlu dititikberatkan atas dasar pentingnya Balaghah dalam membantu memahami isi kandungan Al-Quran dan Hadith. Bukan itu sahaja, peringkat SPM merupakan satu titik permulaan pelajar mengenali Balaghah dan mempelajarinya sebelum mendalaminya pada peringkat pengajian seterusnya.

Selain itu, pemilihan kajian berkaitan Balaghah peringkat SPM ini juga didorong oleh kurangnya kajian yang seumpamanya dijalankan oleh mana-mana pengkaji berbanding kajian yang telah dilakukan berkaitan ilmu Balaghah di peringkat STAM dan STPM. Sementara itu, banyak kajian sebelum ini dijalankan berbentuk kepustakaan dan lapangan yang mengkaji berkenaan komponen-komponen bahasa Arab seperti *Nahu*, *Sarf*, perbendaharaan kata Arab dan sebagainya. Banyak juga kajian ilmu Balaghah yang telah dijalankan adalah berbentuk kepustakaan yang

menumpukan kepada bahagian-bahagian ilmu Balaghah seperti ilmu *al-Ma ni*, *al-Bad'* dan *al-Bay n*. Maka, pengkaji melihat kajian ini perlu dijalankan dalam mempelbagaikan bentuk kajian berkaitan ilmu Balaghah pada peringkat SPM.

Oleh kerana ilmu Balaghah mula dipelajari semasa di Tingkatan Empat, maka pengkaji berpendapat bahawa pembelajaran pada peringkat ini boleh dikira sebagai sesuatu yang perlu diberi perhatian kerana fasa ini adalah fasa permulaan penerimaan dan persepsi terhadap Balaghah terbentuk. Pada peringkat ini, sebarang persepsi dan tanggapan boleh terhasil yang bakal membawa impak kepada pembelajaran bahasa Arab umumnya dan Balaghah khususnya.

Berdasarkan kepada masalah mengingat dan memahami istilah penting Balaghah, pengkaji berpendapat perlunya satu kaedah pembelajaran yang berfokuskan pelajar seperti saranan Mat Taib (2006). Sebagai contoh, kajian berkenaan teknik menyalin nota bahasa Arab di dalam kelas oleh Zalika dan Che Radiah (2009). Hasil kajian berkenaan, didapati seramai 59.2% pelajar lebih cenderung mengambil nota secara ambil maklumat utama dan membuat peta minda. Sedangkan sebelum ini, pelajar hanya menyalin nota Balaghah dalam bentuk ayat dan penerangan tanpa menumpukan kepada isi utama pelajaran Balaghah. Selain itu, pelajar tidak didedahkan dengan teknik membuat nota Balaghah dalam bentuk peta minda berbanding penulisan nota bagi mata pelajaran lain.

Maka, dalam konteks permasalahan yang berlaku dalam pembelajaran Balaghah ini serta kesan positif yang diperolehi dengan penggunaan peta minda dalam pembelajaran, maka pengkaji berpandangan bahawa kaedah melukis peta minda dijangka dapat membantu pelajar mengenal pasti idea asas dan maklumat penting yang disampaikan oleh guru. Tambahan pula, adalah tidak salah sekiranya pelajar didedahkan kepada konsep dan isi utama pelajaran terlebih dahulu sebelum mempelajari isi pembelajaran yang lebih konkrit tanpa mengeneipkan objektif pembelajaran Balaghah yang sebenar.

Penggunaan peta minda dalam kajian ini juga adalah berdasarkan kepada pemerhatian pengkaji terhadap buku teks Bahasa Arab Tingkatan Empat. Sub tajuk Balaghah dipecahkan kepada Bab Satu hingga Bab Sepuluh yang menyukarkan pelajar untuk memahami dan menguasai hubungan kait dan kesinambungan antara subtajuk-subtajuk Balaghah yang diajar. Maka, penggunaan peta minda dijangka dapat mengatasi masalah pengasingan bahagian-bahagian ilmu Balaghah ini semasa proses pembelajaran. Justeru, pemilihan peta minda untuk digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk melihat kesesuaian peta minda digunakan dalam pembelajaran Balaghah di sekolah tersebut. Pengkaji juga ingin memastikan bahawa peta minda mampu memberikan manfaat dari sudut pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap Balaghah.



Kajian ini juga hanya ingin melihat sama ada peta minda Balaghah yang dianggap sebagai nota ringkas, efektif atau tidak dalam membantu pembelajaran Balaghah. Kajian ini tidak bertujuan untuk mengatakan bahawa peta minda merupakan cara paling efektif untuk mempelajari Balaghah akan tetapi bertujuan untuk berkongsi pengalaman pengkaji menjalankan kajian pembelajaran menggunakan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah.

Azhar Muhammad (2008) pernah menyatakan di dalam bukunya bahawa pembelajaran Balaghah perlu dilakukan dengan menganalisis keistimewaan, keunikan dan kesenian teks-teks sastera Arab. Merujuk kepada kenyataan ini, jelas sekali penggunaan peta minda dalam kajian ini menyalahi apa yang dinyatakan oleh beliau. Oleh sebab itu, pengkaji ingin menegaskan bahawa kajian ini hanya bertujuan untuk mengkaji sama ada peta minda mampu membantu pelajar mengingat istilah-istilah Balaghah dan memahaminya. Tambahan pula, dalam kajian ini, peta minda boleh dianggap sebagai salah satu kaedah alternatif dalam penulisan nota Balaghah kerana reka bentuk peta minda yang ringkas mungkin mampu membuatkan pelajar berasakan bahawa kaedah ini dapat membantu merangsang minat dan kemahuan untuk belajar.

Selain itu, peta minda hanya digunakan untuk menjelaskan istilah-istilah Balaghah yang berkaitan dengan petikan ayat yang dipilih dan bukan mempelajari istilah Balaghah semata-mata. Melihat kepada kepentingan istilah Balaghah ketika menjawab soalan peperiksaan, maka peta minda sangat sesuai untuk digunakan semasa mengambil nota pelajaran. Pemilihan peta minda juga bersesuaian dengan konsep pembelajaran kognitif yang menggalakkan pembelajaran dimulakan dengan perkara-perkara yang lebih mudah terlebih dahulu sebelum mempelajari perkara yang lebih kompleks. Konsep ini perlu diberi perhatian kerana konsep ini mempunyai kaitan dengan motivasi pembelajaran bahasa kedua iaitu dikhuatiri motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa asing akan terjejas sekiranya pelajar mempelajari apa yang sukar dahulu berbanding yang mudah, (Ghazali, Nik Mohd Rahimi, Parilah, & Muhammad Arshad, 2012).

Kejayaan seseorang individu pelajar bergantung kepada kadar keupayaan dan pengetahuan mereka membaca dan memahami apa yang dibaca. Pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran kadang kala terdiri daripada pelajar yang kurang memahami struktur teks pembacaan (Afidah, 2008), mempunyai daya ingatan yang kurang (Abu Zahari, 1992) serta gagal mengenal pasti idea utama dan maklumat penting dalam bahan pelajaran yang dipelajari (Mansor, 2005). Kebolehan pelajar untuk memahami dan mengingat adalah satu ukuran yang boleh digunakan untuk menentukan sejauh mana pelajar telah mencapai sesuatu kemahiran (Abu Zahari, 1992). Pelajar yang gagal dalam memahami dan mengingat fakta yang telah dipelajari akan menyebabkan pelajar gagal dalam peperiksaan. Oleh kerana peperiksaan merupakan salah satu kayu ukur yang akan menentukan tahap pencapaian pelajar dalam pembelajaran, maka kegagalan dalam

peperiksaan dianggap sebagai kegagalan mencapai sesuatu kemahiran dalam pembelajaran.

Oleh itu, kajian ini diharap dapat membantu pihak sekolah khususnya guru dan pelajar melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang difikirkan boleh membantu menarik minat pelajar dengan penggunaan teknik yang bukan baru malah telah luas diaplikasikan dalam proses pembelajaran bagi mata pelajaran lain seperti Matematik, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sains.

Selain itu, dalam proses pembelajaran yang berfokuskan pelajar, guru hanya bertindak sebagai fasilitator dalam setiap aktiviti yang dirancang. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang disesuaikan dengan aktiviti akan menjadikan pelajar lebih aktif dan bermotivasi dalam kelas pembelajaran. Maka, penggunaan teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan menyeronokkan akan dapat membantu pelajar untuk memahami isi pelajaran yang sukar (Muhammad Fauzi & Muhammad Hafiz, 2011). Hasil kajian ini diharap dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan kemahiran belajar (*study skill*) dalam apa jua yang dipelajari. Bukan itu sahaja, kemahiran belajar yang diterapkan seharusnya mampu meningkatkan motivasi pembelajaran dan kemahiran mengingat dalam aspek pembelajaran. Hasil kajian juga diharap dapat memberi gambaran terhadap penggunaan peta minda dalam membantu pelajar yang berprestasi tinggi dan rendah dalam pembelajaran komponen Balaghah. Justeru, kaedah penulisan nota berbentuk peta minda seperti dalam kajian ini boleh dijadikan sebagai inisiatif.

Kajian ini juga diharap dapat memberi manfaat kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) untuk menggalakkan pelajar menggunakan peta minda dalam P&P komponen Balaghah dan bahasa Arab amnya agar pelajar beranggapan bahawa bahasa Arab seiring dengan mata pelajaran lain yang boleh dipelbagaikan teknik pembelajarannya.

Kesimpulannya, kajian ini merupakan satu usaha untuk mengenal pasti sama ada peta minda berkesan mempengaruhi persepsi pelajar terhadap pembelajaran Balaghah dan pemahaman pelajar. Hasil kajian ini diharap dapat :

- i- Membantu pelajar menyedari bahawa Balaghah boleh dipelajari dan difahami dengan mudah melalui kaedah yang sesuai.
- ii- Menggalakkan pelajar membuat nota yang menarik dan mudah.
- iii- Menyedarkan guru akan kepentingan kaedah yang sesuai dan efektif dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah.

iv Membantu KPM, JPN dan PPD dalam memperbaiki pengajaran dan pembelajaran komponen bahasa Arab di sekolah.

## 1.9 Kesimpulan

Sebagai rumusan, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesesuaian penggunaan peta minda dalam menyampaikan maklumat-maklumat dan ilmu-ilmu yang perlu dipelajari dalam komponen Balaghah. Selain itu, membantu pelajar membuat dan mengambil nota yang sedikit mahupun banyak dengan cara yang lebih berkesan, cepat, ringkas tetapi meliputi segala isi penting agar mereka lebih mudah untuk memahami dan mengingat serta menjalin hubungan kait antara tajuk-tajuk yang telah dipelajari serta kaitan pengetahuan dengan pengalaman baru dengan cara yang betul. Kaedah yang betul semasa pengambilan nota dan menterjemahkan semula selepas beberapa ketika akan membantu peningkatan tumpuan pelajar terhadap apa yang dipelajari. Pada peringkat seterusnya, pelajar akan mampu meningkatkan kadar ingatan dan pemahaman isi pembelajaran mereka. Harapan pengkaji, semoga pelajar akan lebih berminat untuk mempelajari Balaghah khususnya dan Bahasa Arab amnya yang selama ini dirasakan sukar untuk diingat dan difahami. Pengkaji juga amat berharap peta minda ini mampu menjana kemahiran berfikir pelajar serta tidak menjadi pelajar yang pasif yang sentiasa mengharapkan bimbingan guru.



## RUJUKAN

- Abd. Halim Ariffin. (1999). Pengajaran Ilmu Balaghah (Retorika) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di bawah Kementerian Pendidikan. Dalam *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu* (pp. 1-6). Bandar Baru Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Hakim Abdullah. (2003). Pengajaran Balaghah di Peringkat STPM di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama ( SMKA ): Pelaksanaan dan Permasalahannya. Tesis Doktor Falsafah. Bandar Baru Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim Hanafi. (2011). *Metodologi Penelitian Bahasa untuk Penelitian, Tesis dan Desitasi*. Jakarta: Diadit Media Press.
- Abdul Rahim Abdul Rashid et.al. (2000). *Panduan Latihan Mengajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahim M. Ali. (2001). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Abdullah. (2002). *Mendalami Bahasa Arab*. Batu Caves, Selangor: Pustaka Ilmi.
- Abdul Rahman Al-Qazwini. (1996) *Al-Talkhiṣ*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Abdul Razak Adam. (2001). Keberkesanan Peta Minda dalam Karangan Bahasa Melayu Tingkatan Empat. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Bandar Baru Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Tahmim. (1999). Pengajian Balaghah di Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi. dalam *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu* (pp. 33–42). Bandar Baru Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Zahari Abu Bakar. (1988). *Memahami Psikologi Pembelajaran* . Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abu Zahari Abu Bakar. (1992a). *Fokus Pendidikan, Psikologi Pendidikan Untuk Guru*. Petaling Jaya: Pustaka Delta Pelajaran Sdn. Bhd.
- Abu Zahari Abu Bakar. (1992b). *Psikologi Pendidikan Untuk Guru Pendidikan Jasmani*. Kuala Lumpur: Pustaka Delta Pelajaran Sdn. Bhd.

- Afidah Hj Yaacob. (2008). Keberkesanan Penggunaan Peta Minda Untuk Meningkatkan Pencapaian Pelajar Dalam Komponen Sastera Bahasa Inggeris. Tesis Sarjana. Bandar Baru Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Hifni Muhammad Ali. (1999). Beberapa Unsur Ilmu al-Badi' dalam Bahasa Arab (Satu Perbandingan dengan Bahasa Melayu). Dalam *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu* (pp. 129–144). Bandar Baru Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Ibnu al-Hussain al-Baihaqi. (1990). *Sya'bu al-Iman*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Ahmad Kilani Mohamed. (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Matlub. (1996). *Mu'jam al-Mustalahāt al-Balāghiyah wa Taṭawwuruhā*. Beirut: Maktab Lubnan Nāsyirūn.
- Ahmad Mohd Salleh. (2011). *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam. Edisi Kedua. KPLI Pengajian Islam & j-QAF*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ainon Mohd, & Abdullah Hassan. (1995). *Kepintaran Daya Cipta dan Kemahiran Berfikir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ali al-Jārim, & Mustafa Amīn. (1969). *Al-Balāghah al-Wāḍiḥah, al-Bayān, al-Ma'āniy, al-Badī'*. Mesir: Dar al-Ma'ārif.
- Al-Izdihar. (2010). *Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak*.
- Amir Awang. (1985). *Teori-Teori Pembelajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ang Lay Hoon. (2011). Peranan Pelajar dalam Meningkatkan Penguasaan Bahasa Asing. Dalam Hazlina Abd Halim, et.al (penyl.), *Lingua 3* (pp. 32–39). Serdang: Penebit Universiti Putra Malaysia.
- Anuar Sopian. (2012). Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah di SAR Negeri Melaka Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah di SAR Negeri Melaka. Kertas Kerja dibentangkan dalam *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012* pada 19 Mei 2012 di Klana Beach Resort, Port Dickson. Anjuran Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

(Vol. 2012, pp. 49–63). Prosiding Atas Talian :  
<http://www.ukm.my/uba/sebar2012/prosiding.htm>

- Asad Awang. (1995). Kesan Penggunaan ABM Terhadap Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Pelajar Tingkatan Satu di sebuah sekolah. Desitasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Omar. (1984). *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long. (1981). *Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azhar Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi, & Sulaiman Shakib Mohd Noor. (2006). Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab. Laporan Penyelidikan. Skudai: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azhar Muhammad. (2006). *Pembelajaran Balaghah Arab di Peringkat STAM: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azhar Muhammad. (2007). Penerimaan Pelajar dan Tinjauan Terhadap Silibus dan Bentuk Penilaian Balaghah Arab Peringkat STAM. Kertas Kerja dibentangkan dalam Proceeding Of Malaysia International Conference On Foreign Languages (MICFL) pada 14-15 Ogos 2007 di Hotel Marriot Putrajaya. Anjuran Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. (pp. 75–80).
- Azhar Muhammad. (2007). Menterjemah Budaya Retorika Melayu melalui Pelaksanaan Pengajaran Ilmu Balaghah Arab dalam Kalangan Pelajar Melayu. Kertas Kerja dibentangkan dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11 pada 21-23 Disember 2007. (pp. 311-326)
- Azhar Muhammad. (2008). *Pendidikan Balaghah Arab di Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azman Che Mat, & Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub. (2010). Kegunaan Transliterasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab. *GEMA Online, Journal of Language Studies*, 10(2), 19–35.
- Bagh Singh Ralla Singh. (1998). Mind Mapping as An Effective Technique in Pre-Writing: A Case Study. Disetasi Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Che Radiah Mezah. (2009). *Kesilapan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Chua Yan Piaw. (2012). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2012). *asas Statistik Penyelidikan*. Buku 2. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng. (1999). *Psikologi Pendidikan 1, Psikologi Perkembangan (Semester 1)*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Fā'izah Muhammad, & Fakhīr al-'Azāwiy. (2005). *Tadrīs al-Balaghah al-'Arabiyah*. Amman: Dar al-Masīrah Lil-Nashri wa al-Tauzi' wa al-Ṭiba'aṭ.
- Fadhli Hasan 'Abbas. (1996). *Al-Balaghah, Fun nuh wa Afn nuh , 'ilm al-Bay n wa al-Badi'*. Amman: Dar al-Furqan li al-Nasyri wa al-Tauzi'.
- Fadhli Hasan 'Abbas. (1997). *Al-Balaghah, Fun nuh wa Afn nuh , 'ilm al-Ma' niy*. Irbid: Dar al-Furqan li al-Nasyri wa al-Tauzi'.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, & Muhammad Arshad Abdul Majid. (2012). Penggunaan Bahan Pembelajaran Dalam Kursus Bahasa Arab. *GEMA Online, Journal of Language Studies*, 12(January), 215–233.
- Grace Wong Thau Nyuk. (2010). Keberkesanan Penggunaan Peta Minda dalam Nota Pelajar Terhadap Prestasi dan Minat Mereka dalam Tajuk Sumber Tenaga Bagi Sains Tingkatan Satu. Latihan Ilmiah. Universiti Terbuka Malaysia.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan, & Mohd Azhar Zailani. (2005). Pengajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan-Khusus: Satu Pandangan Awal. Dalam *Masalah Pendidikan 2005* (pp. 233–244). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Haziyah Hussin. (2003). Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Pengajian I'jaz al-Quran. *Albayan Journal of Al-Quran dan al-Hadith*, 1, 193–212.
- Hoo Kar Foo. (2006). Keberkesanan Peta Minda dalam Meningkatkan Ingatan Pelajar. Universiti Terbuka Malaysia.
- Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Tingkatan Empat*, (2009). Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.
- Ab. Rahim Mahmood. (2007). Peta Minda Merangsang Pelajar. *Pelita Bahasa*. (pp. 38-40).

- Husaimi Hj Othman. (1999). Pengajian Balaghah di Sekolah Agama Rakyat (Perak): Pengalaman dan Tinjauan. Dalam *Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu* (pp. 33–42). Bandar Baru Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hussein Abdul-Raof. (2006). *Arabic Rhetoric*. London and New York: Routledge.
- Ibrahim Mustafa, Hamid Abd al-Qādir, Ahmad Hasan al-Zayyat, & Muhammad Ali a-Najjar. (1980). *Al-Mu'jam al-Was*. Istanbul: Dar al-Dakwah.
- Idris Abdullah. (2009). Mempermudahkan Pengajaran Balaghah di Kalangan Pelajar Melayu. Kertas Kerja dibentangkan dalam *Prosiding Seminar Pendidikan Sains Sosial* sempena Kongres Pengajaran & Pembelajaran UKM 2009 pada 14-16 Disember 2009 di Awana Porto Malai, Langkawi. (pp. 161–167).
- Ihāb Abd al-Rashid. (2010). *Al-Bal ghah al-Mu awwarah*. Kaherah: Markaz al-Diwan.
- Ismail Zain. (n.d.). Motivasi Bersama Dr Ismail Zain. Retrieved from <http://www.tutor.com.my/tutor/motivasi/index.asp?pg=artikel/petaminda1.htm>
- Kamaruddin Yaakub, 2005. Bahasa Kedua dan Penguasaan Pembelajaran. *Dewan Bahasa*. Februari, 21-24.
- Kamarudin Hj Husin. (1989). *Pedagodi 3*. Serdang: Siri Pendidikan Longman.
- Kamus Dewan, 2010*. (Edisi Keem.). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Maimun Aqsha Lubis. (1985). Keunggulan Kaedah Elektik Sistemik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab kepada Pelajar Melayu. *AJTLHE*, 1(2), 28–38.
- Mansor Kasim. (2005). Keberkesanan Penggunaan Peta Minda dalam Pembelajaran Biologi. Tesis Sarjana. Bandar Baru Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Azidan Abdul Jabar. (1998). Penggunaan Alat Bantu Mengajar dalam Pengajaran Bahasa Arab. Desitasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.



- Mohd Azidan Abd. Jabar & Abd. Rauf Dato' Haji Hassan Azhari. (2002). *Kamus Istilah Linguistik (Melayu-Inggeris-Arab)*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Azidan Abdul Jabar. (2011). Faedah Alat Bantu Mengajar dalam Pembelajaran Kemahiran Bahasa Asing. Dalam Hazlina Abd Halim, et.al (penyl.), *Lingua 3* (pp. 129-141). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Noor Che Kadir. (2008). Keberkesanan Penggunaan Peta Minda dalam Pengajaran dan Pembelajaran Asid dan Alkali Sains Tingkatan Dua. Latihan Ilmiah. Universiti Terbuka Malaysia.
- Mohd Rosdi Ismail, & Mat Taib Pa. (2006). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mok Soon Sang. (2002). *Psikologi Pendidikan untuk Kursus Diploma Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Muhammad Barakāt Ḥamdiy Abu Aliy. (1991). *Al-Balaghah al-Arabiyyah fi Dau'i Manhaj Mutakamil*. Amman: Dar al-Wa' il. Amman: Dar al-Basyir.
- Muhammad Barakāt Ḥamdiy Abu Aliy. (2000). *Kaifa Naqra' u Tur thun al-Bal ghyi*. Amman: Dar al-Wa' il.
- Muhammad Fauzi Jumingan, & Muhammad Hafiz Bakar. (2011). Keberkesanan Kaedah Permainan Bahasa dalam Mempertingkatkan Penguasaan Pelajar Terhadap Kata Kerja Al-Mudari Bahasa Arab. Dalam Hazlina Abd Halim, et.al (penyl.), *Lingua 3* (pp. 142-159). Serdang: Penebit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Marwan Ismail. (2005). Penguasaan Balaghah Pelajar dan Permasalahannya di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (Kajian di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor. Laporan Penyelidikan. Bandar Baru Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Norazamudin Umar. (2013). Pengajaran Balaghah Bahasa Arab Berasaskan Akronim dan Strategi Pemetaan Semantik. Kertas Kerja dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Bahasa-Bahasa Asing Malaysia kali ke-4 pada 3-4 Julai 2013 di Kompleks Seri Negeri Ayer Keroh, Melaka. Anjuran bersama Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia dan Kerajaan Negeri Melaka. Belum diterbitkan.

- Norfaezah Mohd Samin. (2008). Keberkesanan Peta Minda Terhadap Pemahaman dan Penguasaan Pelajar Tingkatan Dua dalam Matematik. Latihan Ilmiah. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norhayuza Mohamad. (2006). Penggunaan Strategi Pemetaan Semantik dalam Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Norhayuza Mohamad. (2010). Strategi Pemetaan Semantik (SPS) dan Keberkesanannya dalam Pengajaran Kosa kata Arab. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Norini Ali. (1997). Pemetaan Minda dan Peningkatan Kecemerlangan Sekolah- Satu Pandangan. *Jurnal Hari Guru*, 24–30.
- Nurulhuda Mohd Hashim. (2012). Pengaplikasian Linguistik Arab terhadap Bacaan Waqaf dan Ibtida' dalam Al-Quran. Tesis Sarjana. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Omardin Ashaari. (1999). *Pengajaran Kreatif untuk Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Affan. (2010). *Teknik Memori Smart Studi*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Othman Khalid Said. (2001). *Al-Mursyid fi 'Ilmi al-Balaghah*. Shah Alam: RMI Multimedia Publishing.
- Othman Lebar. (2006). *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pabiyah Toklubok@HajiMaming. (2011). Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Melalui Kosa Kata Pinjaman. Dalam Hazlina Abd Halim, et.al (penyl.), *Lingua 3* (pp. 214–224). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Rebecca L. Oxford. (1990). *Language Learning Strategies*. New York. Newbury House Publishers.
- Rosni Samah. (2009). *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati*. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM..
- Rosni Samah. (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.
- Rushdi Ahmad Ta'imah. (1989). *Al-Marji' Fi Ta'lim al-Lughah al-Arabiyyah li al-Natiqin Bighairiha*. Arab Saudi: Ma'had al-Lughah al-Arabiyyah.

- Sainei@Saini Andamit@Damit. (1998). Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan Arab di Peringkat Sekolah Menengah dan Universiti. Tesis Sarjana. Bandar Baru Bangi: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salihan Siais. (1991). *Teknik Belajar Berkesan*. Kuala Lumpur. Siri Maju Sdn. Bhd.
- Salmah Hj Ahmad. (1999). Ilmu al-Ma'ani: Kajian Perbandingan dengan Bahasa Melayu. Dalam *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu* (pp. 15–32). Bandar baru Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori & Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Siti Saudah Hj Hassan. (1999). Ilmu Bayan: Satu Perbandingan dengan Bahasa Melayu. Dalam *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu* (pp. 43–53). Bandar Baru Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sobariah Baharum. (2008). Retorik dalam Novel-Novel Abdullah Hussain. Tesis Doktor Falsafah. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Sohair Abdel Moneim Sery. (1999). Perintis Ke Arah Memberi Nafas Baru kepada Ilmu Balaghah. Dalam *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu* (pp. 7–14). Bandar baru Bangi, Selangor: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Soheir Abdul Monem Sery. (1999). Satu Tinjauan Masalah-Masalah Pengajaran Mata Pelajaran Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Menengah Agama di Malaysia. Tesis Sarjana. Bangi:Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Sumaiyah Sulaiman. (2011). Amalan Pengajaran Berasaskan Motivasi Guru Bahasa Arab di Kolej Islam Sultan Alam Shah. Tesis Sarjana. Bandar Baru Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syukri Abdullah. (2001). *Rahsia Pelajar Terbaik*. Kuala Lumpur: Penerbitan Nadi Ilmu Sdn Bhd.
- Tee Tze Kiong, Jailani Md Yunos, Baharom Mohamad, Widad Othman, & Yee Mei Heong. (2010). Kepentingan Peta Minda sebagai Alat Berfikir



dalam Mengambil Nota Kuliah. Dalam *International Conference On Education* (pp. 1–15). Brunei Darussalam.

Tonny Windura. (2011). *Peta Minda : Langkah Demi Langkah*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Tony Buzan. (1991). *Use Your Perfect Memory*. New York: Penguin Group.

Tony Buzan & Barry Buzan. (1993). *The Mind Map Book: Intellect Brain. Thought and Thinking*. London: BBC Books.

Tony Buzan & Barry Buzan. (2002). *The Mind Map Book*. London: BBC Worldwide Limited.

Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, Arnida A. Bakar, & Ahmad Pangidon Nasution Mandily. (2006). *Pendekatan dan Strategi Efektif Dalam Penguasaan Bahasa Arab*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Zainur Rijal Abdul Razak, & Rosni Samah. (2006). *Kesan Bahasa Arab Dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia.

Zalika Adam, & Che Radiah Mezah. (2009). Teknik Menyalin Nota Bahasa Arab di dalam Kelas. Kertas Kerja dibentangkan dalam Prosiding Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Kedua pada 10-11 Oktober 2009 di Dewan Persidangan, Pusat Pendidikan Luar, Universiti Putra Malaysia. Anjuran Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. (pp. 284–296).

Zalika Adam, & Che Radiah Mezah. (2011) Kefahaman Pelajar IPTA Terhadap Teknik Pengambilan Nota Bahasa Arab di dalam Kelas. Dalam Hazlina Abd Halim, et.al (penyl.), *Lingua 3* (pp. 293-310). Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Zawawi Ismail, & Mohd Sukki Othman. (2005). *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan Inovasi*. Bangi: Minda Imtiyaz Publication.

Zawawi Ismail, Mohd. Sukki Othman, & Abd. Rauf Hasan Azahari. (2004). Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Kertas kerja dibentangkan dalam Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa. Kota Kinabalu pada 8-9 Oktober 2004 di Universiti Malaysia Sabah.